



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

RINGKASAN DASAR AIR NEGARA





”

Dasar Air Negara ini hadir sebagai penanda aras baharu bagi menggantikan Dasar Sumber Air Negara. Ia menyusun strategi dan tindakan yang lebih terselaras antara semua pemegang taruh dengan lebih menyeluruh. Gabungan dasar, tadbir urus dan keutamaan pelaburan perlu digerakkan bersama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, agensi pelaksana dan masyarakat. Inilah asas kepada ketahanan negara dalam mendepani cabaran air masa hadapan. Saya menyeru agar semua pihak menjayakan dasar ini dengan semangat perpaduan dan tekad reformasi.

YAB DATO' SERI ANWAR IBRAHIM
PERDANA MENTERI

RINGKASAN DASAR AIR NEGARA

Diterbitkan oleh:

Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air

Menara PETRA

No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4

62574 Wilayah Persekutuan Putrajaya

© Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Sekretariat Dasar Air Negara

Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air

dasarairnegara@petra.gov.my

www.petra.gov.my

ISI KANDUNGAN

1. **KEPERLUAN
DASAR AIR NEGARA**
2. **REALITI SEMASA
& CABARAN SEKTOR AIR**
3. **PENJAJARAN KEPADA
AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG 2030)**
4. **PENJAJARAN KEPADA
AGENDA NASIONAL**
5. **3 PRINSIP PENGGUBALAN DASAR
KEMAMPANAN, KECEKAPAN & INKLUSIVITI**
6. **RANTAIAN NILAI PENGURUSAN AIR**
7. **AIR NADI KEHIDUPAN**
8. **JANGKAAN KEBERHASILAN**
9. **DASAR AIR NEGARA**
10. **5 FOKUS UTAMA DASAR**

RINGKASAN DASAR AIR NEGARA

11. **FOKUS UTAMA 1
AIR NADI KEHIDUPAN**
12. **FOKUS UTAMA 2
TADBIR URUS KE ARAH KELESTARIAN SUMBER AIR**
13. **FOKUS UTAMA 3
PENGURUSAN SUMBER AIR BERSEPADU**
14. **FOKUS UTAMA 4
BEKALAN AIR YANG MAMPAN**
15. **FOKUS UTAMA 5
PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN YANG MAMPAN &
HOLISTIK**
16. **MANFAAT DASAR**
17. **MEKANISME PEMANTAUAN**
18. **AGENSI PENGGERAK
DASAR AIR NEGARA**
19. **PELAN TINDAKAN
DASAR AIR NEGARA**
20. **HUBUNGI KAMI**

KEPERLUAN DASAR AIR NEGARA

Melangkaui pengurusan sumber ke arah keterjaminan air yang menyeluruh.

ASAS-ASAS TRANSFORMASI STRATEGIK

- Melangkaui pengurusan secara silo.
- Menangani realiti cabaran baharu seperti lonjakan permintaan air dan impak perubahan iklim.
- Integrasi rantaian nilai air yang meliputi pemeliharaan sumber air, kecekapan bekalan air dan rawatan sisa pembetungan secara sistemik.



Dasar Sumber Air Negara (2012)

Fokus utama kepada pemeliharaan dan pemuliharaan sumber air

Evolusi Strategik

Demi menangani realiti perubahan iklim dan permintaan air yang melonjak



Dasar Air Negara

Mewujudkan keterjaminan air masa hadapan melalui integrasi menyeluruh dan kitaran ekonomi air yang lestari



PENGUNAAN AIR TINGGI

Penggunaan air rakyat Malaysia mencecah **225 LCD** berbanding penanda aras WHO, **160 LCD**



PERMINTAAN BEKALAN AIR TINGGI

Permintaan bekalan air diunjurkan **meningkat melebihi 50%** menjelang tahun 2050

01.

02.

REALITI SEMASA & CABARAN SEKTOR AIR

05.

03.

04.



KERUGIAN BANJIR

Berpotensi mencecah **4.1%** daripada KDNK



KADAR AIR TIDAK TERHASIL (NRW) TINGGI

Kadar NRW **34.3%** (2024) mengakibatkan kerugian kewangan **RM2 bilion** setahun



SUNGAI YANG TERCEMAR

25% sungai di Malaysia tercemar oleh sisa domestik, industri dan bahan cemar baharu

PENJAJARAN KEPADA AGENDA PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG 2030)



SDG 2

Keterjaminan bekalan makanan melalui keperluan air untuk pertanian dan pengeluaran makanan.



SDG 3 & SDG 6

Memperkukuh kesihatan awam dan sanitasi bersepadu melalui sistem bekalan air serta pembetungan yang selamat dan menyeluruh.



SDG 11

Menyumbang kepada pembangunan bandar yang berdaya tahan melalui infrastruktur saliran dan mitigasi banjir.



SDG 12

Menyokong penggunaan sumber air melalui pemantapan tadbir urus, kecekapan penggunaan air secara mampan dan menyeluruh.



SDG 13

Memperkukuh kapasiti tindak balas iklim melalui mitigasi serta adaptasi terhadap perubahan corak taburan hujan dan kemarau.

PENJAJARAN KEPADA AGENDA NASIONAL

Dasar Utama Berkaitan Air

Dasar Sumber Air Negara
Dasar Perubahan Iklim Negara
Dasar Perhutanan Negara
Dasar Alam Sekitar Negara
Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan
Dasar Pengurusan Sisa Pepejal Negara

Dasar Sokongan Pembangunan & Infrastruktur

Dasar Pengangkutan Negara
Dasar Rancangan Fizikal Negara Ke-4
Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara
Dasar Agrikomoditi Negara
Dasar Agromakanan Negara
Dasar Keterjaminan Makanan Negara

Dasar Industri, Teknologi & Keselamatan Negara

Dasar Negara Mengenai Industri 4.0
Dasar Teknologi Hijau Kebangsaan
Dasar Perindustrian Negara
Dasar Keselamatan Negara

Rancangan Malaysia

Rancangan Malaysia Ke-12
Rancangan Malaysia Ke-13

3 PRINSIP PENGUBALAN DASAR



1


KEMAMPAPAN

Memastikan kelangsungan sumber air dan pemuliharaan ekosistem semula jadi secara proaktif demi generasi akan datang.

KECEKAPAN

2

Mengoptimumkan setiap titisan air tanpa pembaziran bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat.




3

INKLUSIVITI

Menjamin akses bekalan air bersih yang saksama dan selamat tanpa mengira latar belakang sosioekonomi atau lokasi geografi.



RANTAIAN NILAI PENGURUSAN AIR




AIR NADI KEHIDUPAN

Air adalah denyut yang menghidupkan manusia, alam dan pembangunan.

PAKSI KEMAKMURAN MERENTAS SEKTOR

Kelangsungan dasar negara, pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan generasi bergantung kepada jaminan bekalan air yang terurus dan mampan.



JANGKAAN KEBERHASILAN

Membina masa hadapan air yang mampan dan berdaya tahan.

01

Rakyat serta perniagaan menghargai air dan mengurangkan pembaziran.

02

Tadbir urus digital, modal insan yang kompeten, pemerkasaan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang yang progresif.

03

Jaminan kelestarian air mentah menerusi kerjasama rentas sempadan dan perancangan bersepadu merentas agensi di peringkat lembangan sungai.

04

Jaminan bekalan air yang stabil, berkualiti dan kalis cabaran iklim, berteraskan pengukuhan ekosistem kewangan operator air.

05

Sanitasi moden yang mentransformasi sisa kepada sumber ekonomi baharu.

DASAR AIR NEGARA

VISI



Keterjaminan dan ketersediaan air untuk meningkatkan daya saing serta kemakmuran negara

MISI

Memperkasakan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, negeri dan tempatan berkaitan air untuk kesejahteraan rakyat serta kemampanan ekosistem

MELALUI 3 PENDEKATAN UTAMA

01

Integrasi Rantai Nilai

Menghubungkan pengurusan sumber air, bekalan dan pembetulan sebagai satu ekosistem.



02

Prinsip IWRM

Menguatkan pengurusan sumber air bersepadu agar lebih inklusif dan adaptif.



03

Ekonomi Kitaran

Mengoptimumkan penggunaan semula air sisa dan kumbahan demi kelestarian sumber yang terhad.



5 FOKUS UTAMA DASAR



1 Air Nadi Kehidupan

Membudayakan pengurusan air sebagai tanggungjawab bersama melalui pendidikan, advokasi dan kesedaran awam.

2 Tadbir Urus Ke Arah Kelestarian Sumber Air

Memperkasakan tadbir urus air yang inklusif dan moden melalui Pihak Berkuasa Sumber Air Negeri (PBSAN) yang didukung oleh transformasi digital serta keterbukaan data.

3 Pengurusan Sumber Air Bersepadu

Melaksanakan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) untuk mengimbangi pembangunan dan kelestarian serta menggunakan maklumat hidrologi sebagai asas perancangan.

4 Bekalan Air Yang Mampan

Merancang bekalan air secara sistematik, menyelenggara infrastruktur dengan cekap, menyusun semula tarif dan memperkenalkan pembiayaan alternatif.

5 Perkhidmatan Pembedugan Yang Mampan & Holistik

Memperkasakan pengurusan pembedugan dan mengintegrasikan ekonomi hijau bagi mencipta nilai tambah serta hasil bukan tarif.

FOKUS UTAMA 1

AIR NADI KEHIDUPAN

5 komitmen dasar untuk membudayakan pengurusan air sebagai tanggungjawab bersama.



Komitmen 1

Hak Asasi Manusia Untuk Air Bersih & Sanitasi

Menjamin hak asasi rakyat terhadap akses air bersih dan sanitasi melalui pengurusan sumber air bersepadu yang mampan.



Komitmen 2

Kesedaran, Advokasi & Pembinaan Kapasiti Sebagai Pemelihara Air

Mentransformasi pemeliharaan air sebagai kewajiban bersama melalui advokasi strategik, pembinaan kapasiti komuniti dan penyertaan inklusif.



Komitmen 3

Nekrus Air-Tenaga-Makanan, Air Maya & Jejak Air

Mengintegrasikan pengurusan sumber merentas Nekrus Air-Tenaga-Makanan bagi menjamin sekuriti dan pengoptimuman sumber negara, disokong oleh aplikasi penilaian jejak air dan air maya.



Komitmen 4

Hak Air Pertanian

Mengangkat keutamaan bekalan air pertanian melalui perlindungan undang-undang dan mekanisme agihan yang jelas demi menjamin keterjaminan makanan negara.



Komitmen 5

Air Sebagai Pemangkin Ekonomi

Mentransformasi air sebagai sektor ekonomi strategik yang menyumbang kepada KDNK melalui penerapan nilai ekonomi dan pemerksaan 'Ekosistem 8i'.

FOKUS UTAMA 2

TADBIR URUS KE ARAH KELESTARIAN SUMBER AIR

6 komitmen dasar untuk memperkasakan tadbir urus air yang inklusif dan moden melalui transformasi digital serta keterbukaan data.



Komitmen 6

PBSAN Sebagai Peneraju Lembangan Sungai Dalam Negeri


Memperkasakan peranan PBSAN melalui penyelarasan penguatkuasaan bersepadu, kawalan pencemaran dan integrasi sektor air.



Komitmen 7

Kerjasama Strategik Antara Negeri Berkongsi Lembangan Sungai

Melaksanakan diplomasi air bagi menyelaraskan pengurusan guna tanah, kawalan pencemaran dan pemuliharaan kawasan tadahan di lembangan kongsi demi jaminan sekuriti air.



Komitmen 8

Pengurusan Keselamatan Empangan

Memperkukuh pengurusan empangan melalui kerjasama rentas agensi bagi meminimumkan risiko bencana secara proaktif.



Komitmen 9

Perkhidmatan Bekalan Air Bandar, Luar Bandar & Luar Grid Yang Mampan

Menjamin hak akses air yang berterusan dan selamat di seluruh negara melalui pengukuhan infrastruktur, pelaksanaan sistem bekalan air alternatif bagi kawasan luar grid serta pematuhan piawaian kualiti air yang ketat.



Komitmen 10

Pemerkasaan Tadbir Urus Pembetungan Yang Menyeluruh

Memantapkan kerangka perundangan dan kawal selia pembetungan secara komprehensif bagi memacu kecekapan perkhidmatan, demi kelestarian sumber air, kesihatan awam dan alam sekitar.




Komitmen 11

Penguasaan IR 4.0 & Keterbukaan Data

Memacu inovasi IR 4.0 dan data raya untuk keputusan berasaskan bukti di samping memperkasakan perkongsian data terbuka.

FOKUS UTAMA 3 PENGURUSAN SUMBER AIR BERSEPADU (IWRM)

5 komitmen dasar untuk melaksanakan IWRM bagi mengimbangi pembangunan dan kelestarian ekosistem.



Komitmen 12

Ketersediaan Data Hidrologi & Hidrogeologi

Memperkasakan perkongsian data terbuka antara agensi untuk membina inventori data air negara yang tepat dan sahih.



Komitmen 13

Jaminan Ketersediaan Sumber Air

Meningkatkan daya tahan sumber air dan jaminan bekalan air yang berterusan bagi mendepani cabaran perubahan iklim serta permintaan yang kian meningkat.



Komitmen 14

Mengurus Perdana Mitigasi & Adaptasi Perubahan Iklim

Melaksanakan tindakan mitigasi secara proaktif bagi mendepani impak cuaca ekstrem seperti kejadian banjir atau kemarau yang melampau.



Komitmen 15

Perancangan guna Tanah Yang Seragam & Menyeluruh Bagi Kawasan Tadahan Air

Memperkasakan sistem perancangan guna tanah yang bersepadu dan responsif bagi menjamin kelestarian sumber air, khususnya di kawasan kritikal seperti tadahan air.



Komitmen 16

Pengurusan Alam Sekitar Yang Holistik

Melaksanakan langkah pemeliharaan dan pemuliharaan persekitaran secara komprehensif dengan mengekalkan keseimbangan ekosistem akuatik, mengawal beban pencemaran serta memulihara kualiti air pada tahap selamat.

FOKUS UTAMA 4

BEKALAN AIR YANG MAMPAN

5 komitmen dasar untuk memperkasakan perancangan bekalan, infrastruktur, penstrukturan tarif dan pembiayaan alternatif.



Komitmen 17

Kewangan Industri Perkhidmatan Air Yang Mampaan

Meningkatkan keupayaan kewangan operator air bagi menjamin kelangsungan penyampaian perkhidmatan bekalan air dan pembetulan yang berkualiti, berterusan serta lestari.



Komitmen 18

Pengurangan Air Tidak Terhasil

Memacu kecekapan perkhidmatan bekalan air negara dengan meletakkan pencapaian pengurangan NRW sebagai penanda aras utama operasi dan pengurusan sumber air yang mampan.



Komitmen 19

Jaminan Kuantiti & Kualiti Bekalan Air

Memperkasakan kecekapan perkhidmatan bekalan air melalui peluasan akses, pematuhan piawaian kualiti yang ketat dan pengukuhan margin rizab, seiring dengan pembudayaan kecekapan penggunaan air.



Komitmen 20

Infrastruktur Sistem Pengairan & Saliran Yang Cepak

Memodenkan infrastruktur pengairan dan saliran secara komprehensif sebagai pemangkin utama kepada kelangsungan agenda keterjaminan makanan negara.



Komitmen 21

Kecekapan Guna Air Pertanian

Memacu kelestarian sektor pertanian melalui pengintegrasian teknologi pintar dan pemeraksanaan komuniti petani bagi mengoptimumkan kecekapan guna air pertanian.

FOKUS UTAMA 5

PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN YANG MAMPAN & HOLISTIK

4 komitmen dasar untuk memperkasakan pengurusan pebetungan dan mengintegrasikan ekonomi hijau bagi mencipta nilai tambah serta hasil bukan tarif.



Komitmen 22

Kewangan Perkhidmatan Pebetungan Yang Mampan & Holistik

Menjamin kelestarian kewangan sektor pebetungan melalui pemulihan kos operasi dan modal infrastruktur yang mampan.



Komitmen 23

Perancangan & Pembangunan Yang Berterusan

Mengintegrasikan pembangunan infrastruktur pebetungan yang holistik sejajar dengan transformasi guna tanah dan keperluan sanitasi negara.



Komitmen 24

Pebetungan Pemacu Ekonomi Kitaran

Mentransformasikan sektor pebetungan ke arah ekonomi kitaran bagi memacu kelestarian alam sekitar dan pertumbuhan ekonomi baharu.



Komitmen 25

Perancangan Guna Tanah Menyeluruh & Bersepadu

Menyelaras integrasi perancangan guna tanah bagi menjamin kecekapan infrastruktur pebetungan di kawasan pembangunan pesat.

MANFAAT DASAR



MEKANISME PEMANTAUAN

01 Majlis Air Negara

02 Jawatankuasa Khas Mengenai
Kemerosotan Kualiti Air Sungai
Kebangsaan

03 Jawatankuasa Pengurusan
Air Negara

04 Jawatankuasa Pemandu
Pengurusan Lembangan
Sungai Bersepadu

05 Sekretariat Dasar Air Negara

AGENSI PENGGERAK DASAR AIR NEGARA

<input type="checkbox"/> PETRA	<input type="checkbox"/> KPKT
<input checked="" type="checkbox"/> KKDW	<input checked="" type="checkbox"/> KPKM
<input type="checkbox"/> KKM	<input type="checkbox"/> KPK
<input checked="" type="checkbox"/> NRES	<input checked="" type="checkbox"/> MOSTI
<input type="checkbox"/> MOF	<input type="checkbox"/> KE
<input checked="" type="checkbox"/> JBA	<input checked="" type="checkbox"/> JPS
<input type="checkbox"/> JPP	<input type="checkbox"/> NAHRIM
<input checked="" type="checkbox"/> SPAN	<input checked="" type="checkbox"/> PAAB
<input type="checkbox"/> IWK	<input type="checkbox"/> JMG
<input checked="" type="checkbox"/> LUAS	<input checked="" type="checkbox"/> JAS
<input type="checkbox"/> BKSA NEGERI SEMBILAN	<input type="checkbox"/> BKSA PAHANG
<input checked="" type="checkbox"/> PPSPM	<input checked="" type="checkbox"/> BAKAJ
<input type="checkbox"/> JSANK	<input type="checkbox"/> BKSA MELAKA
<input checked="" type="checkbox"/> JWP	<input checked="" type="checkbox"/> LPSAP
<input type="checkbox"/> BKSA PULAU PINANG	<input type="checkbox"/> LAUT
<input checked="" type="checkbox"/> MSAS	<input checked="" type="checkbox"/> LSANK
<input type="checkbox"/> LSS	<input type="checkbox"/> JPS SABAH
<input checked="" type="checkbox"/> NREB	<input checked="" type="checkbox"/> MUT
<input type="checkbox"/> AIR SELANGOR	<input type="checkbox"/> MUDeNR
<input checked="" type="checkbox"/> RSAJ	<input checked="" type="checkbox"/> PAIP
<input type="checkbox"/> SAINS	<input type="checkbox"/> SAJ
<input checked="" type="checkbox"/> SAMB	<input checked="" type="checkbox"/> LAP
<input type="checkbox"/> SATU	<input type="checkbox"/> AKSB
<input checked="" type="checkbox"/> SAP	<input checked="" type="checkbox"/> PBAPP
<input type="checkbox"/> JBA LABUAN	<input type="checkbox"/> SADA
<input checked="" type="checkbox"/> SWSB	<input checked="" type="checkbox"/> JBALB
<input type="checkbox"/> JPP SABAH	<input type="checkbox"/> JANS
<input checked="" type="checkbox"/> PBT	<input checked="" type="checkbox"/> JPP SARAWAK
<input type="checkbox"/> PLANMalaysia	<input type="checkbox"/> JPSM

Nota:

Rujuk dokumen Dasar Air Negara untuk panduan lengkap.

PELAN TINDAKAN DASAR AIR NEGARA



Memacu transformasi sektor air melalui 190 inisiatif pelaksanaan strategik di pelbagai peringkat Kerajaan Persekutuan, negeri dan tempatan.



Imbas & Muat Turun

HUBUNGI KAMI

Sila hubungi kami untuk maklumat lanjut atau pertanyaan berkaitan:

1. Dasar Air Negara
2. Pelan Tindakan Dasar Air Negara



Sekretariat Dasar Air Negara



dasarairnegara@petra.gov.my



Bahagian Sumber Air
Bahagian Perkhidmatan Bekalan Air Dan Pembetulan
Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA)



Laman Web & *Microsite*
Layari *microsite* rasmi kami untuk dokumen lengkap dan perkembangan terkini: www.petra.gov.my/dasar-air-negara



”

**“Dan daripada air kami jadikan segala
sesuatu yang hidup...” (al-Anbiya’: 30)**

**Tanpa air, tiada kehidupan.
Pengurusan mampan menjamin masa depan.**



Imbas & Muat Turun
Dasar Air Negara



Menara PETRA, No.25 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62574, PUTRAJAYA, MALAYSIA.



03-8000 8000
info@petra.gov.my
www.petra.gov.my